



Ruj. Kami : JPA(S)1619 Klt.11(29)

Tarikh : 30 Ogos 2004

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

**WAKTU BEKERJA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM
YANG MEMPUNYAI ANAK-ANAK KURANG UPAYA**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.


2. Selaras dengan keputusan Kerajaan mengenai perkara tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai anak-anak kurang upaya dibenarkan menggunakan Waktu Bekerja biasa sebagaimana yang diamalkan sekarang untuk menguruskan kebajikan dan keperluan anak-anak mereka.

3. Dalam melaksanakan kemudahan ini, Ketua Jabatan bolehlah memberi kebenaran kepada pegawai berkenaan untuk menggunakan masa-masa tertentu yang diperlukan dalam Waktu Bekerja biasa mengikut kesesuaian masing-masing. Seterusnya pegawai yang berkenaan perlu memastikan supaya masa-masa yang digunakan itu diganti semula bagi tujuan untuk menyelesaikan tugas hakikinya supaya perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas.

4. Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATO' HAJI ABDUL HAMID BIN HAMAT)
Pengarah Bahagian Gaji Dan Elaun
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan